


SAMPAIKAN...  
Kelvin  
menyampaikan  
kit kepada wakil  
SMPO Sipitang.



TERANGKAN... pelajar diberikan penerangan cara penggunaan kit.

## UMS sumbangkan dua set Kit Kitar Semula Decoupage kepada SMK Pengiran Omar, Sipitang

NST 29.6.2019 6

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyumbangkan dua set Kit Kitar Semula Decoupage kepada SMK Pengiran Omar, Sipitang sewaktu Lawatan Sambil Belajar SMK Pengiran Omar, Sipitang ke UMS pada Khamis lalu.

Penyampaian Kit disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Pusat Pengurusan Eco-Campus UMS, Encik Kelvin Kueh Boon Hee, yang menyelaras lawatan sehari untuk 37 orang Pengawas Pusat Sumber Tingkatan 1 - 5 SMK Pengiran Omar, Sipitang itu.

Tujuan lawatan adalah untuk memberikan

pendedahan dan penerangan berkenaan dengan UMS sebagai sebuah gedung ilmu di Sabah, khususnya sebagai sebuah EcoCampus pertama di kalangan universiti awam di Malaysia yang meletakkan komitmen untuk mempertahankan dan memperkasakan kelestarian alam sekitar dan kampus pada tahap agenda keseluruhan universiti.

Demi menyediakan satu program yang lebih bersifat 'Education for Sustainable Development (ESD)' untuk turut menyuntik motivasi dan mengaruh perubahan penetapan minda di kalangan para pelajar, kunjungan ke

Perpustakaan UMS dan Pusat Maklumat Pelawat EcoCampus (EVIC) telah digabungkan dengan bengkel kitar semula upcycling (kitar semula bahan buangan untuk menghasilkan produk tambah nilai dengan kegunaan baharu) pada sebelah petang.

Pada bengkel kitar semula upcycling, para pelajar telah ditunjukkan langkah-langkah membuat botol kaca decoupage menggunakan botol-botol kaca terpakai dan napkin bercorak atau kertas pembalut hadiah terpakai dengan berbekalkan kreativiti dan semangat mencuba untuk menghasilkan produk

akhir yang diberikan nilai fungsian dan kesenian baharu.

Pada bengkel berkenaan, para pelajar malahan guru SMK Pengiran Omar, Sipitang berpeluang cuba sendiri langkah-langkah mengecat botol kaca dan melekat corak-corak pada permukaan botol kaca.

Lawatan Sambil Belajar SMK Pengiran Omar, Sipitang ke UMS turut disertai oleh 3 orang guru, iaitu Cikgu Syahnur Azura Binti Mohd Saufi, Cikgu Nurfarahain Azriawil Tawil, and Cikgu Ahmad Yusri Bin Nor Hashim.